



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN
MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2009/2010**

NAMA MATA PELAJARAN : PSIKOLOGI INDUSTRI-
ORGANISASI

KOD MATA PELAJARAN : BPC 1142

KURSUS : 1 BPB

TARIKH PEPERIKSAAN : APRIL / MEI 2010

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN : BAHAGIAN A
JAWAB SEMUA SOALAN

BAHAGIAN B
JAWAB DUA (2) SOALAN
SAHAJA DARIPADA EMPAT (4)
SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 MUKA SURAT

BAHAGIAN A (20 markah)**PART A (20 marks)**

S1 Anda menerima laporan dari Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan berkenaan jumlah cuti sakit yang meningkat di kalangan pekerja. Menurut pegawai tersebut, terdapat ramai pekerja yang merungut tentang keadaan fizikal tempat kerja yang tidak selesa. Sebagai seorang yang pernah mempelajari tentang psikologi persekitaran, anda ingin menyiasat dengan lebih lanjut tentang permasalahan tersebut.

(a) Takrifkan psikologi persekitaran (1 markah)

(b) Nyatakan **DUA (2)** kesan negatif keadaan fizikal tempat kerja yang tidak selesa kepada organisasi selain daripada jumlah cuti sakit yang tinggi. (2 markah)

(c) Bincangkan kesan-kesan pencahayaan dan bunyi bising terhadap tingkah laku pekerja. (4 markah)

(d) Jumlah waktu yang dihabiskan untuk melakukan sesuatu kerja juga memberi kesan kepada persekitaran kerja secara keseluruhan.

Jelaskan mengapa sistem syif kerja tetap lebih baik daripada sistem syif bergilir. (3 markah)

Q1 You have received a report from a Safety and Health Officer (SHO) regarding an increasing number of medical leaves among employees. According to the SHO, many employees are complaining about uncomfortable physical working conditions. As a person who had learned environmental psychology, you would like to investigate further the issue.

(a) Define environmental psychology. (1 mark)

(b) Describe **TWO (2)** adverse effects of poor physical working conditions to organization aside from high medical leaves. (2 marks)

(c) Discuss the effects of illumination and noise on employees' behavior. (4 marks)

(d) Another vital part of the overall work environment is the amount of time spent on the job.

Explain why fixed-shift system is better than rotating-shift system. (3 marks)

S2 Selepas melaksanakan penilaian keperluan latihan, anda mendapati latihan kesedaran tentang keselamatan di tempat kerja perlu diadakan. Walau bagaimanapun, terdapat banyak faktor yang boleh mempengaruhi keberkesanan latihan tersebut.

(a) Terdapat beberapa faktor-faktor psikologi yang boleh mempengaruhi keberkesanan latihan.

Nyatakan **LIMA (5)** faktor-faktor psikologi tersebut. (5 markah)

(b) Selain daripada faktor-faktor psikologi, ciri-ciri pekerja juga memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi keberkesanan latihan.

Kenalpasti **LIMA (5)** ciri pekerja yang boleh mempengaruhi kehendak mereka untuk belajar semasa latihan. (5 markah)

Q2 After conducting a training need assessment, it is apparent that there is a need to conduct an awareness training on safety at workplace. However, there are many factors that can influence the training effectiveness.

(a) There are many psychological factors that are related to the training effectiveness.

*State **FIVE (5)** of these psychological factors.*

(5 marks)

(b) Aside from the psychological factors, individual attributes also influence training effectiveness.

*Identify **FIVE (5)** attributes of employees that can influence their desire to learn from training programs .*

(5 marks)

BAHAGIAN B (20 markah)
SECTION B (20 marks)

S3 Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia menjalankan ujian psikologi untuk menapis pemohon-pemohon bagi jawatan Pegawai Tadbir dan Pegawai Diplomatik. Ujian-ujian ini bertujuan untuk mengukur kesesuaian pemohon dengan jawatan yang dipohon dari aspek personaliti, minat, tingkah laku, tahap kecerdasan, nilai-nilai dan kemahiran.

(Sumber: <http://www.malaysia.gov.my/>)

- (a) Takrifkan ujian psikologi. (1 markah)
- (b) Nyatakan **ENAM (6)** prinsip ujian psikologi. (3 markah)
- (c) Bincangkan **TIGA (3)** kelemahan berkaitan dengan ujian psikologi. (6 markah)

Q3 Malaysian Public Service Department conducts psychological testing to screen all candidates applying for Administrative and Diplomatic Officer. These tests aimed to gauge the suitability of candidates to their job with regards to their personalities, interests, attitudes, intelligence, values and skills.

(Source: <http://www.malaysia.gov.my/>)

- (a) Define psychological testing. (1 mark)*
- (b) Describe **SIX (6)** principles of psychological testing. (3 marks)*
- (c) Discuss **THREE (3)** limitations of psychological testing. (6 marks)*

S4 Amat Taap (2002) telah mengkaji penerimaan penilaian prestasi dan prestasi pekerja di syarikat-syarikat multi-nasional di Malaysia. Beliau mendapati keadilan, penetapan sasaran, keselarasan antara penilaian prestasi dengan keputusan-keputusan berkaitan pekerjaan dan maklumat yang sah adalah antara faktor-faktor yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan keberkesanan penilaian prestasi.
(Sumber: <http://www.perpun.net.my/myto>)

- (a) Nyatakan **TIGA (3)** tujuan utama pelaksanaan penilaian prestasi. (3 markah)
- (b) Nyatakan **TIGA (3)** kelemahan manusia yang boleh mempengaruhi penilaian prestasi. (3 markah)
- (c) Bincangkan **DUA (2)** langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan kesilapan semasa melaksanakan penilaian prestasi. (4 markah)

*Q4 Amat Taap (2002) studied performance appraisal acceptance and employees' performance in multinational companies in Malaysia. He found that fairness, goal setting, link performance appraisal with personnel decisions, and information validity are the most significant variables associated with performance appraisal effectiveness.
(Source: <http://www.perpun.net.my/myto>)*

- (a) Describe **THREE (3)** purposes for conducting performance appraisal. (3 marks)*
- (b) Describe **THREE (3)** human biases that can distort performance appraisals. (3 marks)*
- (c) Discuss **TWO (2)** steps that can be taken to reduce errors whiler conducting performance appraisal. (4 marks)*

S5 Manshor *et al.* (2003) mengkaji sumber-sumber tekanan di tempat kerja di kalangan pengurus-pengurus di Malaysia yang berkerja di syarikat-syarikat multi-nasional. Mereka mendapati terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi tahap tekanan yang dialami oleh pengurus-pengurus tersebut.

(a) Takrifkan *stressors* (1 markah)

(b) Nyatakan **TIGA (3)** *stressors* di tempat kerja dengan contoh-contoh yang sesuai. (3 markah)

(c) Walaupun terdapat banyak *stressors* di tempat kerja, setiap individu mempunyai respon tekanan yang berbeza terhadap mereka.

Bincangkan **TIGA (3)** perbezaan individu dalam menghadapi tekanan. (6 markah)

Q5 Manshor *et al.* (2003) investigated the sources of work stress among Malaysian managers working in multinational companies. Their study found myriads of stressors affecting the managers stress levels.

(a) Define stressors. (1 mark)

(b) Discuss **THREE (3)** work-related stressors in organizations with appropriate examples. (3 marks)

(c) Although there are many stressors at workplace, not all of them affect employees the same way.

Discuss **THREE (3)** individual differences in stress responses. (6 marks)

- S6 Kepuasan kerja merujuk kepada perasaan, samada positif atau negatif dan sikap terhadap pekerjaan. Ia dipengaruhi oleh faktor-faktor yang berkaitan dengan pekerjaan dan juga faktor-faktor peribadi.
- (a) Senaraikan **EMPAT (4)** kepentingan kepuasan kerja kepada organisasi. (2 markah)
 - (b) Nyatakan **EMPAT (4)** ciri kerja dan tempat kerja yang memberi kesan kepada kepuasan kerja. (4 markah)
 - (c) Banyak kajian mendapati terdapat hubungan yang positif antara gaji dan kepuasan kerja.
Bincangkan kepentingan gaji dengan memberi contoh-contoh yang sesuai. (4 markah)

Q6 Job satisfaction refers to the positive and negative feelings and attitudes employees hold about their jobs. It depends on many work-related factors and also personal factors.

- (a) State **FOUR (4)** importance of job satisfaction to the organization. (2 marks)*
- (b) Discuss **FOUR (4)** characteristics of the job and the workplace that affecting job satisfaction. (4 marks)*
- (c) Considerable research has demonstrated a positive relationship between pay and job satisfaction.
Discuss the importance of pay by giving appropriate example. (4 marks)*

KERTAS SOALAN TAMAT